

14 DEC 1997

SIDANG: DR MAHATHIR RAIKAN PEMIMPIN ASEAN PADA JAMUAN MALAM

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meraikan ketua-ketua negara dan kerajaan serta pegawai-pegawai tinggi Asean pada satu jamuan malam di Hotel Palace of Golden Horses, The Mines Resort City di sini.

Pemimpin-pemimpin Asean itu berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean yang bermula esok.

Mesyuarat itu akan melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin Asean dan rakan-rakan sejawatan mereka dari China, Jepun dan Korea Selatan.

Pemimpin yang menghadiri jamuan malam itu ialah Sultan Brunei Hassanal Bolkiah, Perdana Menteri Laos Khamtay Siphandone, Pengerusi Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar Than Shwe, Presiden Filipina Fidel Ramos, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai dan Perdana Menteri Vietnam Phan Vam Khai.

Menteri Luar Indonesia Ali Alatas mewakili Presiden Suharto, yang membatalkan kunjungannya ke sini atas nasihat doktor.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Agung Asean Datuk Ajit Singh dan isteri para pemimpin berkenaan termasuk Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. -- BERNAMA

ES NAK